Siri Teladan Nilai Murni

PECAHKAN Tingkap?

Alice T

Tengah hari itu, cuaca **PANAS** sekali. Siva dan Chee Meng baru saja selesai menjamu selera di sebuah gerai berhampiran dengan rumah mereka. Kemudian, mereka terus menuju ke sekolah. Mereka suka datang ke sekolah lebih awal supaya dapat bermain bola sepak bersama rakan-rakan yang lain sebelum kelas bermula. Namun rupa-rupanya, Rahim dan Haizam sudah tiba terlebih dahulu. Mereka sedang berehat di dalam dewan. Rahim kelihatan **berpeluh-peluh** sementara wajah Haizam pula masam mencuka.

"Hai, kawan-kawan! Nak main bola sepak?" tanya Siva. Sebenarnya, dia cuba **menceriakan** suasana yang kelihatan agak tegang itu.

"Maaflah, Siva. Saya rasa tak sedap badan pula. Hari ini, cuaca sangat **PANAS**. Alangkah baiknya kalau kelas kita dipasang dengan **PENGHAWA DINGIN**," rungut Rahim. Tangannya ligat mengipas dengan menggunakan sebuah buku latihan.

"Kalau macam tu, kita bermain bola pada waktu petang. Cuaca mungkin **REDUP** pada waktu itu," Siva memberi cadangan.

"Tengoklah nanti," jawab Rahim dalam nada teragak-agak.

Petang itu, seperti yang telah dirancang, Siva, Chee Meng, Rahim dan Haizam berkumpul setelah tamat waktu persekolahan.

"Eh, ***jomlah*** kita main bola sepak!" pujuk Siva dengan nada berharap.

Chee Meng, Rahim, dan Haizam saling berpandangan antara satu dengan yang lain. Akhirnya, Chee Meng mengangguk tanda setuju. Rahim dan Haizam hanya menurut sahaja.

"Tunggu apa lagi? ***Jomlah cepat!***" Siva bersorak dengan **riang**. Dia berjalan beriringan dengan Rahim.

Siva, Chee Meng, Rahim, dan Haizam melakukan senaman ringan untuk memanaskan badan sebelum mula bermain. Petang itu, Siva kelihatan **ceria** dan **BERTENAGA** sekali.

Dia memulakan permainan dengan menendang bola kepada Chee Meng. Chee Meng menahan bola dengan kakinya, menggelecek bola, dan kemudian terus menendang kepada Haizam. Haizam pula menyambut bola dan kemudian menendang bola itu dengan sekuat hatinya. Tiba-tiba kedengaran bunyi yang **KUAT** seperti *kaca pecah*.

Siva, Chee Meng, Rahim, dan Haizam **tergamam** seketika. Siva berlari-lari anak menuju ke arah bilik darjah yang berdekatan dengan padang untuk mendapatkan semula bola itu. Siva berdiri **kaku** apabila dia terlihat **serpihan kaca** yang bertaburan di atas lantai. Rakan-rakan Siva yang tiba kemudiannya turut **terperanjat** apabila menyedari tiga keping tingkap kaca telah pecah.

Siva, Chee Meng, Rahim, dan Haizam mula memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah itu. Tanpa berlengah, Rahim mengambil sebatang penyapu dan beberapa helai surat khabar lama. Dia mula menyapu **Serpihan kaca** itu. Kemudian, dia membungkus dan membuang **Serpihan kaca** itu ke dalam tong sampah. Sebaik saja selesai, dia memandang rakan-rakannya.

"Patutkah kita beritahu cikgu tentang hal ini?" tanya Chee Meng dengan suara yang **terketar-ketar**. Dia adalah yang paling **CEMAS** antara mereka.

Rahim **MENGELUH** dengan perlahan. Jauh di lubuk hatinya, dia tidak mahu didenda.

Siva, Chee Meng, Rahim, dan Haizam mula memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah itu. Tanpa berlengah, Rahim mengambil sebatang penyapu dan beberapa helai surat khabar lama. Dia mula menyapu **Serpihan kaca** itu. Kemudian, dia membungkus dan membuang **Serpihan kaca** itu ke dalam tong sampah. Sebaik saja selesai, dia memandang rakan-rakannya.

"Patutkah kita beritahu cikgu tentang hal ini?" tanya Chee Meng dengan suara yang **terketar-ketar**. Dia adalah yang paling **CEMAS** antara mereka.

Rahim **MENGELUH** dengan perlahan. Jauh di lubuk hatinya, dia tidak mahu didenda.

Siva, Chee Meng, Rahim, dan Haizam tidak mahu membincangkan kejadian tadi, apatah lagi untuk mengaku salah. Mereka enggan didenda. Apatah lagi bagi Siva yang tidak mahu dilucutkan jawatan sebagai pengawas sekolah. Sementara itu, Rahim sedang memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah itu.

Malam itu, Siva, Chee Meng, Rahim, dan Haizam tidak dapat melelapkan mata. Masing-masing *risau* dengan apa yang telah berlaku. Keesokan harinya, mereka sepakat untuk tidak hadir ke sekolah. Mereka bimbang perbuatan mereka diketahui Encik Amir, guru disiplin sekolah yang amat **TEGAS**. Rahim berpura-pura sakit perut sebagai alasan untuk tidak hadir ke sekolah pada hari itu.



Rahim mendapat kebenaran bercuti dan berehat di rumahnya. Dia berasa lega. Dia tidak perlu ke sekolahnya. Bermakna, dia tidak perlu berhadapan dengan masalah yang timbul semalam.

Malang bagi Siva, Chee Meng, dan Haizam, apabila alasan mereka ditolak oleh ibu bapa masing-masing. Dengan rasa **berat hati** mereka terpaksa ke sekolah. Sepanjang masa menunggu loceng berbunyi, masing-masing melayan kerisauan yang terpendam di hati.

Tiba-tiba, loceng berbunyi nyaring, menyedarkan mereka dari lamunan masing-masing. Siva, Chee Meng, dan Haizam **berdebar-debar** sepanjang perhimpunan diadakan. Mereka begitu **resah** dan **CEMAS** apabila tiba giliran Encik Amir naik ke pentas utama.

"Semalam...," Encik Amir memulakan ucapannya.

Mereka bertiga seperti **CACING KEPANASAN**.

"Semalam, saya nampak ada satu longgokan sampah di hadapan pintu pagar sekolah. Membuang sampah merata-rata adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab," sambung Encik Amir.

Mereka bertiga menghela nafas **LEGA**. Nampaknya, Encik Amir masih belum mengetahuinya lagi. Mereka juga berasa lega kerana nama mereka tidak dipanggil. Walau bagaimanapun, mereka masih bimbang sekiranya rahsia yang disimpan akan terbongkar.

Selesai sahaja perhimpunan itu, mereka bergegas ke bilik darjah.

Pada hari Isnin berikutnya, genaplah seminggu kejadian itu berlaku. Dalam perhimpunan hari itu, Encik Amir membuat satu pengumuman.

"Selamat petang murid-murid! Hari ini saya ingin menyatakan perasaan kecewa saya. Saya mendapati ada antara kamu yang telah merosakkan harta benda sekolah tetapi tidak mahu bertanggungjawab. Jika saya tidak pulang lewat, saya tidak tahu ada murid yang bermain bola sepak selepas waktu sekolah dan memecahkan tiga keping tingkap kaca."



"Sudah seminggu saya memberi peluang kepada murid yang terbabit untuk tampil membuat pengakuan. Saya mahu menyelesaikan perkara ini pada hari ini juga," tegas Encik Amir.

Siva, Chee Meng, Rahim, dan Haizam mula kelihatan **gelisah**. Peluh mula menitis di dahi Rahim. Chee Meng pula **terketar-ketar** badannya kerana ketakutan. Manakala, Siva dan Haizam tidak berani hendak mengangkat muka. Mereka yakin, tidak lama lagi nama mereka bakal dipanggil.

"Nicholas Tee dan Amirul! Sila berjumpa saya selepas ini!" sambung Encik Amir.

Mereka berempat berpandangan antara satu sama lain. Mereka **terkejut** apabila mendapati nama mereka tidak dipanggil. Waktu rehat pada petang itu dihabiskan oleh mereka dengan berbincang tentang perkara tersebut.

"Mengapakah nama kita tidak dipanggil?" tanya Chee Meng.

Siva, Haizam, dan Rahim hanya mampu menggeleng kepala.

"Bagus juga nama kita tidak dipanggil. Sekarang, kita tidak perlu berasa risau lagi," kata Rahim.

Haizam, Chee Meng, dan Siva **MENGELUH PANJANG**. Mereka tidak bersetuju dengan pendapat Rahim.



"Kita tidak boleh buat begitu, Rahim," Siva berkata dengan **NADA MARAH**.

"Mengapa pulak? Perkara ini sudah selesai. Lagipun mereka berdua bukan kawan kita. Kita tidak perlu rasa bersalah." soal Rahim pula.

"Rahim! Kejadian itu adalah salah kita. Mereka tidak patut menerima hukumannya. Janganlah pentingkan diri sendiri pulak," kata Chee Meng dengan nada tinggi.

"Betul cakap Chee Meng itu, Rahim. Kita mesti bertanggungjawab atas perbuatan kita. Janganlah jadikan orang lain sebagai mangsa pulak," kata Haizam menyokong kata-kata Chee Meng.

"Saya rasa, kita perlu berjumpa Encik Amir dan beritahu perkara yang sebenar," Chee Meng membuat keputusan.

Rahim terdiam. Dia seolah-olah sedang memikirkan cadangan dan kata-kata tiga orang kawan baiknya itu.

"Baiklah," kata Rahim akhirnya.





Sementara itu, di bilik Encik Amir, Nicholas dan Amirul sedang disoal siasat.

"Baik kamu berdua mengaku! Siapa yang memecahkan tingkap itu?"

Nicholas dan Amirul hanya menggeleng-gelengkan kepala.

"**SIAPA?**" Encik Amir meninggikan suaranya. Dia kelihatan sudah hilang sabar.

Amirul mula menangis. Nicholas menoleh ke arah rakannya.

"*Bukan kami, cikgu!* Kami hanya bermain bola di padang selepas waktu sekolah," terang Nicholas.

"Saya menyepak bola dan bola tersebut tersasar masuk ke dalam bilik darjah. Tetapi bola itu tidak kena pada tingkap pun. Bola itu melantun pada dinding. Bila saya pergi mengambil bola itu, tingkap itu memang sudah pecah," terang Amirul dengan panjang lebar.

"Kalau begitu, bagaimana...," Encik Amir tidak sempat menghabiskan soalannya apabila tiba-tiba dia terpandang Siva, Rahim, Haizam dan Chee Meng yang tercegat di muka pintu.



"Saya akan jumpa kamu semua sebentar lagi. Sekarang, saya ada urusan yang perlu diselesaikan," kata Encik Amir dengan nada **TEGAS**.

"Cikgu, kami ke mari untuk memberitahu cikgu kes tingkap yang pecah itu," jawab Siva *perlahan*.

Encik Amir *menarik nafas panjang* dan bertanya, "Apakah maksud kamu?"

"Sebenarnya, kami berempat yang memecahkan tingkap itu, cikgu," jelas Haizam.

"Mengapa selama ini, kamu semua merahsiakan perkara sebenar daripada pengetahuan saya?" soal Encik Amir dengan *NADA MARAH*.

"Kami tidak berani untuk memberitahu perkara sebenar. Kami takut dihukum. Tetapi, apabila Nicholas dan Amirul dipersalahkan, kami rasa lebih bersalah," terang Haizam.

"Adakah mereka itu kawan kamu?" tanya Encik Amir lagi

"Tidak, cikgu. Kami tidak mengenali mereka. Tetapi, kami berasa tidak adil jika mereka yang dihukum atas kesalahan yang kami lakukan," kata Chee Meng pula.

"Betul kata kamu. Kita tidak patut menjadikan orang lain sebagai mangsa atas kesalahan yang kita sendiri lakukan."



Encik Amir menghubungi ibu bapa keempat-empat mereka dan memberitahu tentang kejadian itu. Sebagai hukuman, mereka terpaksa mengeluarkan wang tabungan sendiri untuk menggantikan cermin tingkap yang pecah itu. Hari itu, mereka telah menerima satu pengajaran yang berguna. Bak kata pepatah Melayu, "Berani kerana benar, takut kerana salah." Mereka belajar untuk berhadapan dan menyelesaikan masalah. Mereka juga belajar untuk berkata benar dalam apa keadaan sekalipun.